

26/07/1999

Seri Paduka utus ucapan takziah kepada Raja Mohamed

KUALA LUMPUR, Ahad - Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hari ini mengutus ucapan takziah kepada Raja Mohamed Ben Al-Hassan dari Maghribi di atas kemangkatan ayahandanya, Raja Hassan II, kelmarin.

Sultan Salahuddin turut sedih di atas kemangkatan Raja Hassan II yang dikongsi bersama Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah.

"Almarhum sudah memberi sumbangan yang penting dalam merapatkan hubungan persahabatan dan kerjasama antara kedua-dua negara dan rakyat kita," kata Seri Paduka dalam perutusan yang dikeluarkan Istana Negara, di sini.

Sultan Salahuddin berkata, sumbangan Raja Hassan II kepada pembangunan dan kemakmuran Maghribi serta menggalakkan keamanan dan persefahaman dunia akan sentiasa dikenangi.

"Rakyat Malaysia menyertai dalam menyatakan ucapan takziah kepada rakyat dan kerabat diraja Maghribi. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas roh almarhum," kata Seri Paduka.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam perutusan kepada rakan sejawatannya di Maghribi, Abderrahman Youssoufi, berkata negara itu dan dunia kehilangan seorang negarawan ulung dan pemimpin yang disegani dunia Islam.

Beliau berkata, almarhum Raja Hassan akan sentiasa diingati di atas keberanian dan ketabahan yang ditunjukkan sepanjang pemerintahan baginda.

Sumbangan Raja Hassan kepada pembangunan Maghribi, keamanan dan kestabilan di Asia Barat serta dalam memupuk perpaduan dan kerjasama di kalangan negara Islam akan terus disanjung dalam sejarah negara itu, kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata: "Saya percaya di bawah pemerintahan Raja Mohamed Ben Al-Hassan, negara Maghribi akan memasuki era yang aman, maju dan makmur.

"Menjadi harapan saya bahawa hubungan rapat dan persaudaraan di antara kedua-dua negara akan terus diperkukuhkan pada tahun-tahun yang akan datang," katanya.

(END)